

ALOR SETAR, 20 MEI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA SUPAYA BERHATI-HATI DALAM TINDAKAN MEREKA MELINDUNGI KEPENTINGAN PARA PENGGUNA.

KATANYA, KERAJAAN BERASA RAGU TERHADAP SETENGAH PERSATUAN PENGGUNA YANG MENCARI PABLISITI DENGAN MEMDUAT TUDUHAN-TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS.

MENURUTNYA, TUDUHAN-TUDUHAN TIDAK DERASAS OLEH PARA PEMIMPIN PERSATUAN PENGGUNA AKAN MEMBERI KESAN BURUK DUKAN SAHAJA KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BESAR TETAPI JUGA MENJEJAS PENCARIAN PENIAGA-PENIAGA KECIL SERTA PENJAJA-PENJAJA.

BELIAU PERHADAP PERSATUAN-PERSATUAN ITU AKAN MEMBERITAHU KERAJAAN JIKA TERDAPAT SEBANYAK PERKARA YANG MEMERLUKAN PENYELIDIKAN ATAU TINDAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA YANG DIBACAKAN OLEH SETIAUSAHA POLITIKNYA, ENCIK MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB DI UPACARA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PENGGUNA-PENGGUNA KEDAH DI PUSAT PELBAGAIGUNA DI SINI.

MENGENAI GERAKAN PENGGUNA (CONSUMER MOVEMENT), BELIAU BERKATA GERAKAN ITU ADALAH PENTING KERANA DENGAN SECARA TIDAK LANGSUNG IA BOLEH MEMBANTU USAHA-USAHA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DAN MEMBERI FAEDAN KEPADA SEMUA LAPISAN RAKYAT. — PERSAMBUNG 1828/YF

EE

PE19

#### MAHATHIR-PENGGUNA 9 ALOR SETAR

KATANYA, RANCANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG SEDANG DILAKSANAKAN DALAM SEMUA BIDANG ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN LAGI TARAF KENDUPAN RAKYAT.

TETAPI TUJUAN ITU MUNGKIN TIDAK AKAN TERCAPAI SEKIRANYA AMALAN-AMALAN PERNIAGAAN YANG TIDAK SIHAT SEPERTI PERBUATAN Mencari KEUNTUNGAN BERLELEBIHAN, PENGELUARAN BARANG-BARANG BERMUTU RENDAH DAN MANIPULASI PASARAN YANG DIAMALKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN PENIAGA DIBIARKAN BERLELUASA.

BELIAU MENGASKAN SEKIRA KEADAAN ITU TIDAK DISEKAT MAKA PENDAPATAN SEBENAR RAKYAT MUNGKIN AKHIRNYA AKAN MEROSOT DAN SETERUSNYA TARAF HIDUP MELEKA JUGA AKAN TERJEJAS.

WALAU BAGAIMANAPUN, KATANYA, GERAKAN PENGGUNA TIDAKLAH SEHARUSNYA DIANGGAP SEBAGAI SATU GERAKAN ANTI-PENIAGA OLEH KERANA OBJECTIF GERAKAN PENGGUNA ADALAH UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN PENGGUNA DAN DUKANNYA MENENTANG KALAM PEMODAL.

KEPADA PERSATUAN PENGGUNA-PENGGUNA KEDAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMESYORKAN SUPAYA MENGAMBIL TINDAKAN POSITIF BAGI MENGUKHUKAN LIGI PEDUDUKAN PERSATUAN ITU AGAR MENDAPAT KEPERCAYAAN DARIPADA PARA PENGGUNA DI NEGERI INI.

PERSATUAN ITU HARUSLAH MELANCARKAN KEMPEN MENAMBAHKAN BILANGAN AHLI KESELURUHAN NEGERI SECARA BERKESAN DISAMPING MEMPERGIATKAN AKTIBITI PENDIDIKAN DAN PENERANGAN KEPADA PARA PENGGUNA SUPAYA MEREKA MENYEDARI TENTANG HAK-HAK ASASI, PERANAN DAN TANGGUNG JAWAB MEPEKA.

BELIAU YAKIN SATU GERAKAN PENGGUNA YANG KUAT BOLEH MENJADI TENAGA YANG BERKESAN UNTUK MENGHAPUSKAN AMALAN-AMALAN PERDAGANGAN YANG TIDAK SIHAT DAN MEMBERIKAN +A SENSE OF FAIR PLAY+ KEPADA PARA PENGGUNA SELURUHNYA. — BERNAMA 1835/YF